

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM  
[ JULAU ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap perbincangan antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kerajaan Pusat berkenaan permintaan Negeri Sarawak bagi menaikkan agihan pendapatan Petronas dari minyak dan gas kepada negeri pengeluar.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengenai bayaran hasil petroleum kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri adalah terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau *Production Sharing Contract* (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya.

Sehubungan itu, sebarang tindakan untuk meminda kadar hasil petroleum perlu dirundingkan semula antara PETRONAS dan rakan PSC berkenaan.

Sementara itu, PETRONAS telah memberi taklimat khas kepada YB Menteri-Menteri Persekutuan dari Sabah dan Sarawak pada 27 Jun 2014 serta Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Jun 2014 untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai isu berkenaan agar dapat disampaikan kepada rakyat di Sarawak.

Sungguhpun kadar hasil petroleum kepada kerajaan-kerajaan negeri berkaitan hanya 5 peratus, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri-negeri terbabit, jauh melebihi hasil yang diterima daripada bayaran hasil petroleum.

Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, negeri Sarawak merupakan antara negeri yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan. Peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk negeri Sarawak adalah seperti berikut:

BIL.	RMK	TAHUN	Siling Peruntukan RM bilion	
1	RMKe-9	2006-2010	15.3	
2	RMKe-10	2011-2014	15.5	
		2015	3.1	
<b>Jumlah RMKe-10</b>			<b>18.6</b>	
<b>Jumlah RMKe-9 &amp; RMKe-10</b>			<b>33.9</b>	

Selain daripada peruntukan pembangunan, Sarawak juga menerima peruntukan dalam bentuk perbelanjaan Mengurus dan Geran. Sepanjang tahun 2011 hingga 2013 sahaja, perbelanjaan Mengurus bagi Sarawak adalah berjumlah RM24 bilion manakala dalam bentuk Geran adalah sebanyak RM2.9 bilion.

Sekian, terima kasih.